

Tarikh Dibaca: 09 Januari 2026M / 19 Rajab 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MEMBINA GENERASI
BERILMU DAN BERADAB”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“MEMBINA GENERASI BERILMU DAN BERADAB”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : أَلْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَةُ
الصَّالِحَةُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan
meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua
diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah

¹ Al-Kahf: 46.

² Ali-Imran: 102.

diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**MEMBINA GENERASI BERILMU DAN BERADAB**”.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Bermulanya sesi persekolahan tahun 2026 minggu hadapan, anak-anak kita akan menempuh kelas dan persekitaran yang baharu. Inilah masanya untuk menanam azam dan tekad baharu dalam menuntut ilmu kerana dengan ilmu, kita mengenal Allah SWT serta mampu membezakan antara hak dan batil. Tanpa ilmu, kehidupan akan kehilangan arah dan tujuan, mudah terjerumus ke lembah kesesatan dan terdedah kepada kehinaan di dunia dan di akhirat.

Banyak permasalahan umat Islam pada hari ini berpunca daripada pengabaian terhadap kewajipan menuntut ilmu yang sahih dan seimbang. Gagal mengurus perbezaan pandangan adalah tanda kurangnya ilmu. Mudah terpengaruh dengan ajaran sesat juga mencerminkan kejahilan terhadap penguasaan ilmu. Sikap melampau dan menjadikan isu politik sebagai medan permusuhan juga adalah akibat keterbatasan ilmu. Bahkan gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa turut berpunca sama ada disebabkan kejahilan atau kegagalan menjadikan ilmu sebagai perisai yang menahan diri daripada dosa.

Ilmu yang bermanfaat seharusnya menjadikan seseorang itu lebih beradab, berlapang dada dalam perbezaan, matang dalam membuat keputusan, serta semakin takut dan tunduk kepada Allah SWT, bukan semakin angkuh, keras dan suka berbalah. Oleh itu, kita perlu sedar bahawa

menuntut ilmu adalah amanah dan ibadah yang mampu menyelamatkan diri dan keluarga daripada kejahilan dan kemunduran.

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Anak-anak kita perlu dibimbing untuk memahami kefarduan menuntut ilmu, disertai niat yang ikhlas dan azam yang kukuh. Kita harus sedar bahawa tanggungjawab mendidik anak mesti bermula di rumah, melalui teladan, akhlak dan contoh nyata yang ditunjukkan setiap hari sebagaimana Nabi Muhammad SAW berdakwah dan mengajar para sahabat *Radiallahuanhum*.

Jika kita mengharapkan anak-anak supaya berdisiplin, maka disiplin itu perlu dizahirkan dengan sikap dan amalan kita. Jika kita ingin mereka mencintai masjid, maka kitalah yang perlu terlebih dahulu membudayakan solat berjemaah dan memuliakan rumah Allah SWT. Jika kita menginginkan mereka dekat dengan al-Quran, maka kitalah yang perlu memulakan langkah dengan membaca, menghayati dan membimbing anak-anak bersama-sama. Inilah pendidikan yang membina, bermula daripada *qudwah* sebelum kata-kata.

Dalam usaha menanam ilmu dan membina jati diri anak-anak juga, kita perlu memberi keutamaan kepada tiga asas utama yang menjadi teras kekuatan seorang Muslim, iaitu hubungan dengan al-Quran, pemeliharaan ibadah solat, serta penguasaan ilmu fardu ain. Tiga asas ini bukan pilihan, tetapi keperluan yang mesti diperkasakan secara seiring oleh ibu bapa dalam membina sebuah keluarga yang berteraskan agama. Tanpa asas ini, pendidikan anak-anak akan pincang walau setinggi mana pencapaian akademik mereka. Justeru, marilah kita meneliti dan memulakan dengan

asas yang pertama, iaitu membina hubungan yang kukuh antara anak-anak dengan al-Quran.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا.

"Sesungguhnya al-Quran ini memberikan hidayah petunjuk kepada (jalan) yang lebih benar (agama Islam) dan memberikan khabar gembira kepada orang yang beriman yang melakukan amalan soleh bahawa bagi mereka ada pahala yang besar".

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Setelah diperkukuh hubungan anak-anak dengan al-Quran maka aspek kedua yang perlu diberi perhatian ialah ibadah solat. Solat adalah tiang agama dan penanda aras sebenar hubungan seorang hamba dengan Tuhannya. Pada sesi baharu persekolahan kali ini, marilah kita menilai kedudukan solat anak-anak yang kita cintai. Apakah anak-anak cakna terhadap waktu solat? Adakah mereka mampu menyempurnakan solat lima waktu tanpa perlu sentiasa diingatkan?

Sesungguhnya, disiplin solat perlu dipupuk sejak kecil kerana itulah asas yang membentuk akhlak, kewarasan dan kekuatan diri anak-anak.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ
عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

"Suruhlah anak-anak kamu menunaikan solat ketika berumur tujuh tahun; dan hukumlah mereka jika meninggalkannya ketika berumur sepuluh tahun; serta pisahkan tempat tidur antara mereka."

(Riwayat Abu Daud).

Ingatlah, pendidikan solat bukan sekadar memastikan anak-anak tahu solat, tetapi mereka perlu menghayati bacaan, tepati waktunya dan berusaha meningkatkan kualitinya dari masa ke masa, sehingga lahir perasaan ihsan iaitu merasai ibadah seolah-olah mereka sedang berhadapan dan disaksikan oleh Allah SWT.

Sidang Jumaat yang dihormati,

Aspek seterusnya yang perlu diberi perhatian adalah penguasaan anak-anak terhadap ilmu fardu ain yang menjadi kewajipan setiap Muslim. Ibu bapa bersama para guru memikul tanggungjawab besar untuk memastikan anak-anak menguasai ilmu ini dengan baik, bukan hanya di sekolah, tetapi melalui bimbingan, pemantauan dan teladan berterusan di rumah.

Ilmu fardu ain terbahagi kepada tiga cabang utama: Akidah, Fikah dan Tasawuf. Ilmu Akidah meneguhkan keyakinan kita terhadap kalimah syahadah dan Rukun Iman yang enam. Ilmu Fikah membimbing amalan kita melalui penghayatan Rukun Islam yang lima. Manakala ilmu Tasawuf menekankan konsep ihsan, iaitu hubungan mendalam dengan Allah SWT,

membuang sifat *mazmumah* iaitu sifat tercela dan menghiasi diri dengan sifat *mahmudah* iaitu sifat terpuji. Ketiga-tiga cabang ini membentuk individu Muslim yang bukan sekadar mengetahui hukum-hakam, tetapi menghidupkan agamanya melalui kefahaman, penghayatan dan amalan yang konsisten dalam kehidupan.

Selain itu, penguasaan terhadap ilmu duniawi juga penting sebagai persiapan menghadapi cabaran masa depan. Ilmu-ilmu fardu kifayah seperti sains, teknologi digitalisasi ekonomi, dan pengurusan tidak boleh diabaikan sama sekali. Walaupun ilmu fardu ain menjadi keutamaan, penguasaan ilmu-ilmu ini secara kolektif membantu keberlangsungan dan kemajuan kita umat Islam.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sempena permulaan sesi persekolahan dan tahun yang baharu ini, marilah kita semua memperbaharui tekad serta meningkatkan kesungguhan dalam menuntut dan menggali ilmu. Kepada anak-anak yang melangkah masuk ke alam persekolahan, sematkan dalam jiwa bahawa menuntut ilmu dengan hadir ke sekolah bukan sekadar rutin harian, tetapi satu amanah besar yang menentukan arah kehidupan, membina jati diri dan mencorakkan masa depan agama serta ummah.

Buat ibu bapa, amanah mendidik tidak boleh diserahkan bulat-bulat kepada sekolah semata-mata, kerana ibu bapa adalah madrasah pertama yang menyalakan kecintaan anak-anak terhadap ilmu melalui perhatian, dorongan dan qudwah yang hidup di rumah. Manakala para guru pula memikul amanah yang lebih besar daripada sekadar menyempurnakan

silibus, iaitu berperanan sebagai murabbi yang membentuk akhlak, mematangkan pemikiran dan membina jati diri anak bangsa.

Para tetamu Allah SWT yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan kita:

1. Kita hendaklah memperbaharui niat menuntut ilmu kerana Allah SWT. Hal ini kerana ilmu yang diiringi dengan keimanan serta keikhlasan akan mempermudah jalan kita menuju ke syurga.

2. Kita hendaklah menunaikan tanggungjawab berterusan dalam mendidik anak-anak dengan membimbing, memantau dan membentuk akhlak, disiplin serta potensi mereka agar tidak terjebak dalam perkara yang sia-sia lagi melalaikan.

3. Kita hendaklah menyeimbangkan pendidikan duniawi dan ukhrawi anak-anak. Selain ilmu fardu ain, mereka perlu didedahkan kepada ilmu fardu kifayah agar kelak menjadi generasi beriman, berakhlak, berilmu, berkemahiran serta mampu memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَمَّنْ هُوَ قَنِتٌ ءَانَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ
رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ
أُولُوا الْأَلْبَابِ.

“(Kamukah yang lebih baik) atau adakah orang yang taat beribadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri kerana takut akan (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya? “Katakanlah (kepadanya), “Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya hanya orang yang berakal sempurna yang dapat menerima pengajaran dan peringatan.

(Surah al-Zumar: 9).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁶ Al-Nahl: 90.